



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NAIKTARAF LANDSKAP DI  
KAWASAN LAPANG TAMAN KIMSAR

### OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG

### TARIKH / MASA / TEMPAT

14 JULAI 2019 (AHAD)  
2.40 PETANG

KAWASAN LAPANG TAMAN KIMSAR  
PERAI

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Professor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua menteri (II) Pulau Pinang  
Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perai

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Dato' Ho Kiong Chan**  
Managing Director  
Bellevue Group of Companies (Spectacular Acres Sdn. Bhd.)

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Puan Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pengerusi-Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung**

**Alph Dato' Ng Hooi Lai**  
Pengerusi MPKK Taman Inderawasih

**Encik Paresmesparan A/L Kasinathan**  
Pengerusi MPKK Kampung Teluk, Kampung Jawa, Kampung Setol

**Encik Muniandy A/L Marimuthu**  
Pengerusi MPKK Perai (Kampung Main Road)

**Encik Ismira Bin Ismail**  
Pengerusi MPKK Kampung Manis

**Encik Turaisingam A/L Mahalingam**

Pengerusi MPKK Taman Chai Leng

**Penduduk-penduduk setempat**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Perasmian Naiktaraf Lanskap Di Kawasan Lapang Taman Kimsar, Perai yang dianjur oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Spectacular Acres Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Bellevue Group of Companies.

Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi melapangkan masa pada hari ini merasmikan Projek Naiktaraf Lanskap Di Kawasan Lapang Taman Kimsar, Perai. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO dan ADUN; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod, Setiausaha Perbandaran; Ketua-Ketua Jabatan; penduduk-penduduk setempat dan semua yang hadir kerana sudi bersama-sama dengan kita untuk menjayakan program pada petang ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berusaha Dato' Ho Kiong Chan, *Managing Director Bellevue Group of Companies* (Spectacular Acres Sdn. Bhd.) dan kakitangannya yang telah bersama-sama berusaha dan berjaya menganjurkan majlis pada petang ini.

Kerjasama di antara MPSP dan Spectacular Acres Sdn. Bhd. dalam memperkasakan projek fizikal ini melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private and philanthropy partnership* MPSP telah berjaya bekerjasama dengan Spectacular Acres Sdn. Bhd. untuk menaiktaraf kawasan lapang di Taman Kimsar ini. Pihak Spectacular Acres Sdn. Bhd. telah menyatakan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam program ini pada 20 Jun 2016 dan ianya dilihat sebagai salah satu langkah berkesan yang boleh disumbang atau diambil oleh mana-mana pihak swasta dalam memastikan pembangunan yang lebih mampan di Seberang Perai.

MPSP amat mengharapkan serta menggalakkan penyertaan pihak swasta dan individu dalam Program *Corporate Social Responsibility* (CSR), iaitu satu cabang Konsep 7Ps dalam pelaksanakan projek-projek

seumpama ini yang menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai.

**Yang Amat Berhomat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan *Penang 2030* adalah merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. Wawasan ini adalah sejajar untuk menjadikan Seberang Perai “Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar di Pacu Oleh Teknologi” yang membawa kepada *outcome* Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Justeru khazanah alam semula jadi seperti Sungai Perai perlu di aktifkan dan diambil manfaat sepenuhnya. Sehubungan dengan itu MPSP bersama dengan Kerajaan Negeri, Think City sedang merancang untuk mewujudkan *green connectivity* di sepanjang Sungai Perai sehingga ke air Itam Dalam di Seberang Perai Utara. MPSP juga bercadang membangunkan atau menaiktaraf dua (2) taman rekreatif di sepanjang Sungai Perai. Taman-taman tersebut adalah Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh berkeluasan 12.43 ekar dan Taman Rekreasi Sembilang, Seberang Jaya yang berkeluasan 2.40 ekar.

MPSP juga akan mewujudkan ruang niaga untuk memberi peluang kepada golongan B40 menjalankan perniagaan di samping mengekalkan warisan alam semula jadi seperti hutan bakau, hutan api-api yang menjadi habitat hidupan tepi sungai yang berfungsi menyerap karbon dan melepaskan oksigen. Bagi merealisasikan potensi pembangunan hijau di sepanjang Sungai Perai, MPSP memerlukan sumbangan pemikiran kreatif, berinovasi, berwawasan serta berkolaborasi dengan sektor swasta dan komuniti. MPSP amat kecewa dengan sikap sesetengah pengusaha yang mengkhianati impian rakyat dengan menceroboh hutan air pamah di tepi Sungai Perai, melakukan kerja binaan atau menambun tanah tanpa kelulusan, seperti apa yang berlaku di Air Itam Dalam minggu lepas. Mereka ini penjenayah alam sekitar dan pengkhianat inspirasi rakyat. Saya memberi amaran keras, mereka tidak akan terlepas dari penguatkuasaan,

mereka akan dibawa kemuka pengadilan. Saya juga ingin meminta kerjasama rakan media supaya tidak melihat hanya kepada kelemahan agensi penguatkuasaan sahaja malahan perlu mengajak masyarakat mengutuk pengkhianat ini.

**Yang Amat Berhomat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP secara proaktif telah mengemukakan jemputan kepada Spectacular Acres Sdn. Bhd. untuk melibatkan diri serta bekerjasama dengan MPSP membangunkan kawasan ini. Spectacular Acres Sdn Bhd. telah menyatakan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam program ini pada 20 Jun 2016. Ianya dilihat sebagai salah satu langkah berkesan yang boleh disumbang / diambil oleh mana-mana pihak swasta dalam memastikan pembangunan yang lebih mampan di Seberang Perai. Kawasan lapang ini dengan anggaran keluasan berjumlah 7,174 meter persegi di Lot 949 yang terletak di Persiaran Bawal, Taman Kimsar, Seberang Perai Tengah telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf (secara 7Ps).

Satu program penghijauan telah dianjurkan pada 11 Oktober 2014 oleh MPSP dengan kerjasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri II, Yang

Berhormat Prof Ramasamy a/l Palaisamy, yang juga merupakan ADUN kawasan Perai. Ianya melibatkan penanaman pokok teduhan dari jenis Tecoma (*Tabebuia rosea*) sebanyak 100 batang dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada ketika itu.

Pelaksanaan kerja-kerja di tapak telah dimulakan pada Mei 2017 dan disiapkan pada Jan 2018 (9 bulan), manakala penyelenggaraan dilaksanakan oleh Spectacular Acres Sdn. Bhd. pada Mac 2018 hingga Mac 2019 (1 tahun). Kos keseluruhan bagi menaiktaraf Kawasan Lapang Taman Kimsar ini berjumlah RM500,394.20 yang telah disumbangkan oleh Spectacular Acres Sdn. Bhd. Saya ingin ucapan ribuan terima kasih atas sumbangan yang diberikan ini.

Kawasan lapang ini telah dinaiktaraf dan dijadikan kawasan riadah dan rekreasi bagi penduduk setempat. Taman ini dilengkapi dengan komponen-komponen yang baru iaitu:-

- i. Kemudahan tempat letak kenderaan (motosikal / kereta / OKU);
- ii. Laluan pejalan kaki / laluan berbasikal;
- iii. 1 set kemudahan alat permainan kanak-kanak bersepadu;
- iv. 2 unit jongkang jongkit / see saw;
- v. 2 unit buaian / swing 2 seater;

- vi. 6 unit kemudahan alat senaman *outdoor gym*;
- vii. 2 unit wakaf bersaiz 6m X 6m;
- viii. 3 unit tong sampah;
- ix. 1 papan tanda informasi (*braille map*);
- x. 11 unit bangku taman;
- xi. Penanaman Pokok Teduhan
  - 10 batang pokok *Tabebuia Rosea* (*Tecoma*)
  - 10 batang pokok *Samanea saman* (*Rain Tree*)
  - 5 batang pokok *Delonix regia* (*Semarak Api*)
- xii. Kerja-kerja penanaman rumput – 5900m<sup>2</sup>;
- xiii. Kemudahan Tandas Awam; dan
- xiv. Bekalan Air dan Elektrik

Dengan adanya kemudahan sebegini, ianya dapat menggalakkan interaksi sosial yang sihat antara penduduk sekaligus mengeratkan hubungan silaturrahim yang akrab antara satu sama lain. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam seperti ini, ianya dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan Taman Kimsar dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga kawasan lapang ini yang disediakan di sini serta segala kemudahan yang disediakan. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup yang mana wujud sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat. Pelaksanaan program naiktaraf ini menunjukkan usaha MPSP dengan sokongan padu dan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa mementingkan kemudahan dan kepentingan rakyat.

Saya juga ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP untuk terlibat bersama dalam pembangunan Seberang Perai.

**Yang Amat Berhomat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP akan terus komited merealisasikan hasrat menaiktaraf dan memperbanyakkan kawasan hijau dan kawasan lapang awam di seluruh Seberang Perai bagi mencapai hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar pada tahun 2022.

MPSP juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan taman-taman kecil seperti *pocket park* dan kemudahan riadah ke arah menjadikan bandar lebih hijau, sihat dan indah serta memberi ruang untuk masyarakat berkumpul bagi tujuan riadah.

Saya amat mengharapkan serta memohon agar tapak ini dijaga dengan baik oleh pengunjung dan penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada berlaku sebarang masalah vandalisme, kecurian atau kebocoran dan pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama. Sama-sama lah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MPSP telah telah mengorak langkah menjadi bandaraya tidak lama lagi. Kejayaan ini merupakan hadiah yang tidak ternilai yang harus dibanggakan. Memandangkan kita semua berada di ambang bandaraya, tanggungjawab kita akan menjadi lebih berat terutama dari segi kebersihan,

pencahayaan, menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan tempat riadah yang selesa dan bermacam-macam lagi.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**